

Malaysia bantah cubaan AS jatuhkan (P) Saddam cara kekerasan

U.M. - 8 AUG 1992

LANGKAWI 7 Ogos — Malaysia membantah sebarang cubaan Amerika Syarikat untuk menjatuhkan Presiden Iraq, Saddam Hussein melalui kekerasan, tegas Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, jika Iraq mencabul kemerdekaan negara-negara jirannya dan jiran-jiran itu meminta pertolongan, lainlah halnya.

"Tapi, jika tidak ada apa-apa masalah dan cuma kerana hendak jatuhkan Saddam sahaja, kita tidak akan sokong," katanya menjawab pertanyaan wartawan tentang penghimpunan tentera Amerika Syarikat yang sedang berlaku di Kuwait.

Dr. Mahathir menegaskan, tindakan menceroob Iraq tidak boleh diambil semata-mata kerana hendak menjatuhkan Saddam.

Masalah

Beliau menambah, cubaan menjatuhkan Saddam Hussein melalui kekerasan bukanlah caranya untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi di rantau Teluk.

Diminta mengulas dakwaan Amerika Syarikat bahawa Iraq tidak mematuhi Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu yang menamatkan Perang Teluk tempoh hari, Dr. Mahathir berkata, negara itu telahpun membenarkan pemeriksa-pemeriksa nuklear PBB memasuki tempat-tempat yang mereka hendak periksa.

"Kita kenalah percaya pada pemeriksa-pemeriksa PBB itu," ujarnya.

Perdana Menteri mengulangi bahawa wilayah Iraq tidak boleh dicabuli semata-mata untuk menjatuhkan Saddam Hussein dan Malaysia tidak akan menyokong sebarang tindakan seperti ini.

Beliau berkata, pendirian Malaysia dalam isu ini adalah jelas: "Kita tidak sokong sebarang bentuk kekerasan di mana-mana juga."